

# Arkib Negara terus komited

**K**UALA LUMPUR: Tidak ramai tahu di sebalik kejayaan menyelesaikan kes pertikaian tuntutan bertindih Pulau Batu Putih antara Malaysia dan Singapura serta isu siapa pencipta sebenar Jalur Gemilang, Arkib Negara Malaysia antara institusi memainkan peranan penting dalam membantu penyelesaian itu,

Kejayaan itu juga memperlihatkan kepentingan penubuhan Arkib Negara sebagai pusat penyimpanan bahan bersejarah yang penting untuk merungkai pelbagai peristiwa serta fakta warisan negara.

Namun, tidak ramai maklum fungsi Arkib Negara bukan sekadar menyimpan dan memelihara koleksi khazanah warisan negara, malah sebagai pusat sumber dan penyelidikan yang boleh menjadi tempat rujukan.

Ketua Pengarah Arkib Negara, Mohamed Zawawi Abdullah, berkata sempena sambutan ulang tahun penubuhan ke-50 Arkib Negara tahun depan, pel-

bagai usaha dirangka bagi memastikan matlamat penubuhannya terus berkembang.

Katanya, antara usaha digariskan ialah memperbanyakkan penerbitan seperti buku dan majalah menghimpunkan sejarah meliputi pelbagai bidang, media serta koleksi.

"Sempena ulang tahun ke-50, Arkib Negara menerima mandat daripada Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan (Kekkw) untuk membuat penerbitan mengenai Parlimen," katanya ketika ditemui di pejabatnya, di sini, kelmarin.

*"Pelbagai usaha dirangka bagi memastikan matlamat penubuhannya terus berkembang"*

**Mohamed Zawawi**  
Ketua Pengarah Arkib Negara